

# Pecat Timbalan, Naib Presiden UMNO khabar angin - Hisham

**BATU PAHAT 3 Sept.** - Pemecatan atau pengantungan keahlian UMNO melibatkan Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal hanya khabar angin.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tidak ada kepastian sama ada perkara itu akan dibincangkan atau tidak dalam Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi, Rabu depan.

Malah menurut beliau, apa sahaja agenda yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu sepatutnya dilakukan secara tertutup kerana melibatkan hal dalaman parti.

"Ia khabar argin, jika ada yang mahu terus percaya dengan perkara berkenaan, terpulanglah tapi

saya sendiri pun masih tidak tahu apa agenda mesyuarat itu nanti dan kalau ada sekali pun (pemecatan) saya akan tahu kerana saya Naib Presiden parti.

"Perbincangan di khalayak ramai tidak akan membawa apa-apa perkara membina kerana di luar sana ada pihak yang setuju atau tidak akan memutar belit benda ini," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Minggu Haluan Siswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini hari ini.

Hishammuddin berkata, banyak lagi perkara lain yang lebih besar perlu diberi perhatian dan dijadikan agenda dalam mesyuarat itu termasuk hal ekonomi negara, kestabilan dan keselamatan pertahanan.